

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
[BUKIT BENDERA]**

TARIKH : 28.3.2018 (RABU)

SOALAN :

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan sama ada konsesi pembekalan dan pengedaran Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) bagi Tingkatan 3 akan diberi kepada hanya satu syarikat sahaja. Jika ya, adakah konsesi ini dijalankan secara tender terbuka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembekalan dan pengedaran buku teks di bawah Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) Kementerian Pendidikan Malaysia untuk murid Tingkatan Tiga dilaksanakan mengikut prosedur sedia ada, dan tidak diberikan hanya kepada satu syarikat sahaja.